PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (047-055)

Budaya Berbahasa Lisan dalam Kata Penegas daripada Perspektif Sosial

Mashetoh Abd. Mutalib
mashetoh@uum.edu.my
Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa dan Pendidikan,
Universiti Utara Malaysia, MALAYSIA

Abstrak
Situasi kebahasaan masyarakat Melayu diwarnai dengan kepelbagaian penggunaan bahasa Melayu itu sendiri iaitu bahasa Melayu formal dan bahasa Melayu tidak formal (dialek, bahasa pasar, bahasa basahan dan sebagainya). Kepelbagaian bahasa inilah akan dipilih, disesuaikan dan digunakan mengikut keperluan dan situasi masyarakat tersebut sebagai corak komunikasi. Walau bagaimanapun, kajian berasaskan bahasa lisan kurang menitikberatkan isi sosial yang berkaitan identiti penutur. Justeru, kajian ini bertujuan memperlihatkan penggunaan kata penegas dalam budaya berbahasa lisan daripada perspektif sosial dan identiti oleh penutur Melayu di Shah Alam, Selangor. Data bahasa Melayu lisan diambil daripada 34 orang informan yang dikumpulkan dengan menggunakan kaedah etnografi (temu bual) dan menerapkan pendekatan dialektologi bandar. Data dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa informan perempuan, kelas menengah bawah dan usia awal dewasa lebih cenderung menggunakan kata penegas dalam variasi lisan.

Kata Kunci: Variasi Bahasa, Bahasa Lisan, Kata Penegas, Dialektologi Bandar

Abstract
The linguistic situation of the Malay community showcases the diversity of the use of the Malay language which encompasses the formal and informal Malay language (dialects, colloquial language, etc.). The diversity of the Malay language will be selected, adapted and used according to the needs and situation of the community as communication patterns. However, studies based on oral language have not given due emphasis on the content-related social identities of the speakers. Therefore, this study aimed at demonstrating the use of emphatic words in the culture of Malay oral language from the identity and social perspectives of the Malay speakers in Shah Alam, Selangor. Data were obtained from 34 oral informants by using ethnographic method (interviews) and sociological urban dialectology approach. The data were analyzed using qualitative method. The results of the study revealed that female, lower middle class and young adult informants are more likely to use emphatic words to represent different identities in verbal variations.

Key Words: Language Variation, Verbal Variation, Emphatic Words, Urban Dialectology

1. Pengenalan

Bahasa Melayu bervariasi dari segi sebutannya, morfologi, sintaksis dan leksikal. Collins (1981) turut menjelaskan kelainan atau variasi daripada satu bahasa, yakni sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Selain dilihat bahasa bervariasi dari sudut geografi, masa dan sosial, bahasa juga bervariasi dari aspek saluran penyampaian, iaitu lisan dan tulisan. Menurut Idris (2010: 26 wacana tulisan ialah "wacana yang disampaikan oleh pewacananya secara bertulis. Menurut beliau

lagi, wacana lisan mempunyai fungsi simpanan yang membolehkan komunikasi berlangsung melampaui batas dan ruang, dan wacana tulisan sebagai transaksi idea hasil daripada wacana lisan". Dapatlah dijelaskan bahawa wacana lisan dan tulisan sama pentingnya dan saling melengkapi dalam memerihalkan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri.

Dalam memerihalkan mengenai bahasa lisan, terdapat beberapa kelainannya jika dibandingkan dengan bahasa tulisan, antaranya dalam aspek morfologi. Umum mengetahui bahawa morfologi ialah bidang ilmu yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Penggolongan kata dalam bahasa Melayu pula terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abd. Hamid (2010) menjelaskan bahawa kata tugas ialah sejenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa, atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis, sama ada sebagai penghubung, penerang, penguat, penegas dan sebagainya. Berdasarkan tugas-tugas yang telah disebutkan, maka makalah ini bertujuan untuk melihat penggunaan kata penegas dalam budaya berbahasa lisan.

2. Kajian Lepas

Pengkaji telah menyorot beberapa kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana berkaitan dengan aspek linguistik yang dipertalikan dengan perspektif sosial. Antara pengkaji-pengkajinya ialah Idris (1995), Idris dan Shahidi (2001), Wan Robiah (2005), dan Idris dan Rosniah (2008), dan Idris et al.(2011). Walau bagaimanapun, aspek linguistik yang dilihat hanyalah fonologi sahaja.

Kajian Idris (1995:109) telah menjelaskan bahawa angkubah fonologi yang dibincangkan di dalam kajian ini ialah satu konsonan, iaitu (r) dan empat vokal, iaitu, (u), (i), (a) dan (e). Bagaimanapun bagi kajian ini angkubah (a) dibahagikan kepada tiga pecahan (jenis), iaitu (a1), (a2) dan (a3) menjadikan semuanya tujuh angkubah fonologi yang diteliti. Hasil kajian ini mendapati pertama, hanya angkubah (r) yang tertakluk kepada kedua-dua angkubah konteks sosial. Kelainan (r) semakin banyak digunakan apabila gaya berbahasa semakin rasmi. Sementara dalam jalinannya dengan kelas sosial di dapati kelainan (r) lebih banyak digunakan oleh penutur kelas bawahan. Manakala penggunaan angkubah (i), dan (a3) hanya tertakluk kepada faktor kerasmian gaya berbahasa dan angkubah (a1) pula tertakluk kepada faktor kelas sosial. Akhir sekali penggunaan angkubah (u), (a2) dan (e) tidak tertakluk kepada mana-mana angkubah konteks sosial berkenaan. Ternyata hasil kajian ini mendapati bahawa sebutan standard bahasa Melayu terbatas penggunaannya.

Kemudian kajian ini diteruskan lagi oleh Idris dan Shahidi (2001), yang juga melihat aspek fonologi, iaitu (a), (r), (i) dan (u) yang diteliti dalam gaya bahasa oleh pelajar tingkatan enam (atas dan bawah) di tiga buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah King George V. Seremban; Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok, Banting, Selangor; dan Sekolah Menengah Tinggi Kajang, Selangor yang meliputi pelajar berbangsa Melayu, Cina dan India. Hasil kajian mendapati bahawa realisasi amalan keempat-empat pemboleh ubah fonologi tersebut oleh subjek adalah berbeza-beza, tertakluk kepada gaya berbahasa tertentu. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah kenatifan didapati tidak mempengaruhi penggunaan pemboleh ubah fonologi berkenaan secara ketara, kecuali (r). Dapatan juga menunjukkan wujudnya fenomena sebutan baku hanya agak berjaya dalam gaya bahasa berteks, kedwikelainan sebutan standard, dan kehadiran faktor kealamiahan sebutan dalam amalan penutur.

Wan Robiah (2005) juga melihat aspek fonologi. Dalam kajian tersebut beliau meneliti lima variabel fonologi, iaitu satu vokal (a), dua diftong (ai) dan (au) dan dua konsonan (r) dan (h). Walau bagaimanapun, variabel (a) dipecahkan kepada dua, iaitu (a1) dan (a2) dan dalam kajian beliau, terdapat enam variabel yang diteliti, iaitu (a1), (a2), (ai), (au), (r) dan (h). Hasil kajian mendapati bahawa fonologi kelompok sosial menengah cenderung mengalami perubahan berbanding dengan kelompok sosial bawahan. Perubahan ini berlaku mungkin disebabkan oleh elemen konteks sosial seperti status ekonomi yang meningkat, suasana pekerjaan, taraf pendidikan dan ruang lingkup komunikasi yang luas dan pelbagai. Manakala kelompok bawahan pula, walaupun masih mengekalkan identiti fonologi dialek Melayu Sarawak, pengekalannya adalah pada tahap sederhana. Berdasarkan variabel fonologi yang diteliti sebutan mula berlaku di kalangan masyarakat bandar Kuching dengan sebutan standard masyarakat di semenanjung Malaysia.

Seterusnya, kajian Idris dan Rosniah (2009) juga membincangkan perubahan sosial bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat di Kuching Sarawak dengan meneliti lima variabel fonologi, iaitu (a), (i), (u), (r1) dan (r2) berdasarkan status sosioekonomi, jantina dan usia dalam empat gaya bahasa formal, iaitu membaca daftar kata, membaca petikan, wawancara dan bercerita. Kajian ini adalah kajian sosiofonologi, iaitu gabungan subdisiplin

fonologi dan sosiolinguistik yang berasaskan pendekatan sosiologi bandar yang dipelopori oleh Labov (1972) di New York City, dan kemudiannya oleh Trudgill (1974) di Norwich dan Milroy (1987) di Belfast.

Kajian dari aspek fonologi diteliti lagi oleh Idris et al. (2010) yang melihat aksen yang berbeza, iaitu lima fonologi bahasa Melayu, iaitu (a) 'saya', (i) 'bilik' (u) 'duduk' (r1) di awal kata seperti dalam 'rasa' dan (r2) di akhir kata seperti dalam 'lebar' oleh penutur Melayu di Kuching dan Kota Kinabalu, penutur bukan Melayu di Melaka dan Kota Bharu dan penutur Melayu tegar dialek di Kota Bharu. Manakala angkubah sosial yang diperkirakan ialah jantina, usia, status, sosioekonomi, kenatifan dan kewilayahan. Hasil kajian mendapati bahawa informan mampu menyesuaikan aksen apabila konteks berbahasa formal. Mereka turut membuktikan bahawa bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, khususnya aspek aksen mampu menjadi penanda identiti dan integrasi rakyat Malaysia yang berbeza dari segi kenatifan, status sosio ekonomi, kewilayahan, jantina dan usia.

Idris et al. (2011) dalam kajian mereka 'Aksen bahasa kebangsaan: Relaiti, Identiti, Integrasi' dengan melihat penggunaan bahasa sebenar. Seramai 125 orang informan daripada empat bandar raya kajian, iaitu Kota Bharu, Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu. Informan lelaki sebanyak 60 Peratus (75 orang), manakala informan perempuan 40 peratus (50 orang). Umur yang telah diperkirakan dalam kajian ini, ialah kelompok usia muda, (berusia 15-25 tahun) awal dewasa (26-40 tahun), dewasa (41-55 tahun) dan tua (56 tahun ke atas). Data bahasanya ialah rakaman bahasa pertuutran sebenar melalui temu bual intensif dalam empat gaya bahasa yang direka bentuk khusus, seperti 1) gaya membaca daftar kata (paling formal), 2) gaya membaca petikan, 3) gaya wawancara dan 4) gaya bercerita (paling kurang formal). Kajian Idris et al (2011) melihat lima angkubah fonologi, seperti *a* pada akhir kata terbuka, *i* pada akhir kata tertutup, *u* pada akhir kata tertutup, r_1 pada awal suku kata dan r_2 pada akhir kata daripada empat gaya bahasa yang dibentuk. Aksen angkubah fonologi tersebut di kategorikan kepada dua variasi, iaitu sama ada aksen standard atau aksen bukan standard. Perbincangan dilihat dari sudut angkubah status sosioekonomi, jantina, usia, kenatifan dan kewilayahan.

Semua kajian yang diteliti ternyata memberikan tumpuan terhadap fonologi atau aksen sahaja. Kajian yang paling banyak diteliti terhadap aksen ialah vokal (a), (i), dan (u), dan diikuti dengan konsonan (r). Manakala penelitian terhadap diftong (ai) dan (au) serta konsonan (h) hanya diteliti Wan Robiah (2004). Secara tidak langsung penelitian terhadap vokal (a), (i) dan (u) serta konsonan (r), paling banyak mempengaruhi aksen penutur. Berdasarkan penelitian tersebut, menunjukkan pengkaji-pengkaji variasi sosial hanya memperlihatkan kajian linguistik dari satu aspek sahaja, iaitu fonologi.

Walau bagaimanapun, kajian berkaitan morfologi juga telah dijalankan, antaranya kajian berkaitan dengan kata pemeri oleh Sato (2011), kajian mengenai kata ganda, antaranya oleh Wan Robiah, Rosnah dan Salina (2013); Hamidah, Wan Robiah dan Mohamad Hosin (2012); Mohamad Yunus dan Zaitul Azma (2011); dan Syarifah Raihan Syed Jaafar dan Zaharani Ahmad (2009). Namun begitu, kajian-kajian ini tidak melihat dari aspek linguistik yang dipertalikan dengan perspektif sosial.

Jika disorot kajian-kajian lepas, kajian mengenai aspek-aspek linguistik yang dilihat daripada perspektif sosial, kajian tersebut hanya memberi tumpuan kepada fonologi sahaja. Walaupun ada kajian mengenai aspek morfologi tetapi kajiannya tentang kata pemeri dan kata ganda tetapi tidak dikaitkan dengan perspektif sosial.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian variasi bahasa Melayu lisan di Shah Alam. Oleh itu, pendekatan dialektologi sosial bandar yang dipelopori oleh Labov (1966), Trudgill (1974) dan Idris (1995) diterapkan dalam kajian ini. Dialektologi sosial bandar adalah kajian yang mempertalikan bahasa dengan konteks sosial masyarakat bandar yang heterogen sifatnya. Kekuatan pendekatan dialektologi sosial terletak pada metodologinya yang jitu seperti menentukan pemboleh ubah sosial, pemboleh ubah bahasa, kawasan kajian, mendapatkan data sehinggalah kepada menghuraikan dapatan yang dilakukan secara saintifik (Idris 1995). Dialektologi sosial bandar mula berkembang ekoran kesedaran para pengkaji bahasa mengenai kepentingan kajian di bandar-bandar yang dikesampingkan sebelum ini oleh dialektologi tradisional. Kajian dialektologi sosial dipelopori oleh Labov seawal tahun 1960-an apabila beliau memulakan kajiannya di Pulau Martha's Vineyard, Amerika Syarikat. Kemudian kajian ini turut dikembangkan dan dimajukan lagi oleh dan pengkaji-pengkaji lain.

Kajian ini ialah kajian variasi sosial bahasa Melayu lisan yang melibatkan 34 orang informan berbangsa Melayu di Shah Alam. Rumah kediaman dijadikan sebagai rangka persampelan, iaitu rumah sesebuah, berkembar dan teres dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih informan. Kajian ini menggunakan teknik temu bual dan soal selidik untuk memperoleh angkubah linguistik dan status sosioekonomi. Teknik temu bual

telah dilakukan secara terancang dan terbuka. Yang dimaksudkan secara terancang, iaitu sebelum melakukan temu bual pengkaji terlebih dahulu menyiapkan beberapa soalan sebagai panduan. Temu bual terbuka pula dimaksudkan dengan sifat temu bual yang tidak membatasi maklumat kepada jawapan atas soalan atau reaksi terhadap soalan yang diajukan. Soal selidik yang telah dibentuk mengandungi empat komponen soalan. Soalan pertama merangkumi latar belakang diri dan keluarga; soalan kedua merangkumi latar belakang pendidikan; soalan ketiga, latar belakang Shah Alam; dan soalan keempat mengenai pengalaman informan. Manakala soal selidik bertujuan untuk memperoleh status sosioekonomi informan.

Berikut ialah jumlah informan berdasarkan rangka persampelan dan pemboleh ubah sosial, iaitu jantina, status sosioekonomi dan usia.

Jadual 1. Informan berdasarkan rangka persampelan dan pemboleh sosial

Jenis Rumah	Jantina		Status Sosioekonomi				Kelompokumur/tahun				Jumlah
	L	P	KMT	KMB	KBA	KBT	1 Muda 15-25	2 AwalDewasa 26-40	3 Dewasa 41-55	4 Tua 56+	
RS	2	7	7	2	-	-	4	3	1	1	9
RB	5	6	6	4	1	-	7	2	2	-	11
RT	6	8	3	4	6	1	7	4	1	2	14
Jumlah	13	21	16	10	7	1	18	9	4	3	34

Pemilihan Shah Alam sebagai kawasan kajian kerana ia sebuah bandar moden yang terancang dan mempunyai kriteria bandar yang dihajatkan. Dalam memperkatakan tentang hal ini, Yahya (1995) menjelaskan bahawa Shah Alam merupakan bandar yang dirancang dan dimajukan selaras dengan aspirasi Dasar Ekonomi Baru, iaitu menyeimbangkan pembangunan antara kawasan. Manakala dalam bidang sosiologi, terdapat perbagai definisi 'bandar', antaranya oleh Anlmann dan Olsson (dalam Garnier dan Chabot, 1967) yang mendefinisikan bandar sebagai satu pengelompokan yang mempunyai pelbagai aktiviti di dalamnya.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa Shah Alam amat menepati ciri-ciri bandar yang dimaksudkan oleh Northam (1975) dan mempunyai pelbagai aktiviti yang dinyatakan, iaitu perkhidmatan, perindustrian, perdagangan dan sebagainya. Menurut Idris (1995: 72), pembangunan Shah Alam adalah berasaskan seksyen atau 'kejiranan' dengan setiap seksyen dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam, seperti kedai, dewan, gerai, surau, kawasan lapang dan padang permainan. Selain itu terdapat juga kawasan perumahan, pusat bandar, institusi rekreasi dan perindustrian. Seperti yang diperkatakan, penduduk di kawasan ini adalah berbilang kaum dan heterogen seperti dari golongan kelas tinggi dan pertengahan, dari rumah yang pelbagai jenis dan dari pelbagai peringkat sosioekonominya. Oleh itu, perkiraan ini amat sesuai dengan pendekatan yang digunakan iaitu dialektologi bandar kerana Roucek dan Warren (1957: 700) berpendapat bahawa "penduduk dalam komuniti bandar adalah lebih beraneka ragam kerana dalam bandar terdapat perbezaan yang nyata dari segi ekonomi dan politik, orang yang teguh agama dan berlatar belakang nasional dan etnik yang berlainan".

Data variasi bahasa Melayu lisan dimulakan dengan pengurusan penganalisisan data, kemudian data ditranskripsi dan proses pengekodan dilakukan. Seterusnya apabila selesai proses pengekodan, data bahasa lisan dikenal pasti dari aspek linguistik dan proses pengiraan yang dipertalikan dengan pemboleh ubah sosial dilakukan. Data bahasa lisan yang telah siap ditranskripsikan diberi kod dan nombor. Kod untuk setiap informan ditandakan dengan I1 yang merujuk kepada informan pertama. Diikuti oleh kod untuk kelompok usia seperti awal dewasa diberi kod DA. Diikuti kod status sosioekonomi misalnya kelompok menengah tengah (KMT). Kemudian kod untuk

informan lelaki ialah L, dan informan perempuan ialah P diakhiri dengan ayat yang ke berapa dituturkan. Contohnya I2 OT KBA (P): A7.

4. Analisis dan Perbincangan

Kata penegas yang juga disebut kata partikel atau kata penyerta, adalah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat (Nik Safiah *et. al* 2010 dan Asmah 2009). Berikut dipaparkan fungsi kata penegas.

Jadual 2. Kata penegas dalam tatabahasa bahasa Melayu dan variasi bahasa Melayu lisan

Kata Penegas		
	Fungsi	Contoh
Nik Safiah et al. (2010)	Menegas frasa predikat atau bahagian-bahagiannya	*kah, tah, lah*
	Menegas kedua-dua bahagian ayat, iaitu frasa nama sebagai subjek atau bahagiannya.	*juga, jua, pun, sahaja, lagi memang*
Asmah (2009)	Menegas dalam ayat berita dan ayat perintah	*lah*
	Menegas dalam ayat tanya dan ayat seru	*kah, tah*
Bahasa Melayu Lisan	**Menegas dalam ayat berita**	***kan, kut***

Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu lisan terdapat kata penegas yang lazim digunakan ketika perbualan berlangsung, iaitu partikel *kan* dan *kut*. Partikel *kan* lebih kerap digunakan berbanding dengan partikel *kut*, iaitu sebanyak 185 kali atau 86%.

Dalam tatabahasa bahasa Melayu *kan* hanya sebagai imbuhan akhiran dan juga daripada pelemahan kata nafi, iaitu 'bukan'. Namun, dalam kajian ini didapati bahawa partikel *kan* bukan berfungsi sebagai imbuhan dan juga bukan daripada penyingkatan kata nafi, tetapi sebagai penegas dalam ayat berita (juga disebut ayat penyata atau ayat keterangan). Manakala partikel *kut* dari segi etimologinya berasal dari dialek utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) yang mempunyai erti agaknya, barangkali, kalau-kalau (*Kamus Dewan* 2005: 859). Dalam bahasa Melayu lisan, partikel *kut* berfungsi sebagai kata penyerta dan hadir dalam ayat yang diucapkan. Partikel *kut* digunakan untuk tujuan merujuk benda atau perkara yang tidak pasti. Seperti fungsi kata penegas yang lain, partikel *kut* juga berfungsi untuk menegaskan ayat berita atau ayat pernyataan. Lazimnya, partikel *kut* juga menegaskan predikat dalam sesuatu frasa, klausa dan ayat. Selain itu, jika merujuk komponen maknanya, iaitu agaknya, barangkali dan kalau-kalau, partikel *kut* merupakan kata kerja modalitas. Kedua-dua partikel ini dibincangkan berdasarkan perspektif sosial dan identiti.

Jadual 3. Penggunaan *kan* dan *kut* dalam pemboleh ubah sosial

Angkubah Linguistik Aspek		Angkubah Sosial										
		Jantina		Status ekonomi sosial				Usia				Jum.
		L	P	KMT	KMB	KBA	KBT	1	2	3	4	
Kata Penegas	kan	50 27 %	135 73 %	19 10 %	101 55%	57 31 %	8 4 %	34 18 %	117 63%	22 12 %	12 6 %	185 86%
	Kut	11 38 %	18 62 %	17 59 %	11 38%	1 3%	-	14 48 %	15 52%	-	-	29 14%
	Jumlah %	61 27 %	153 73 %	36 10 %	112 55%	58 31 %	8 4 %	48 18 %	132 63%	22 12 %	12 6 %	214 100 %

Perempuan Lebih Bervariasi Menggunakan Kata Penegas

Hasil analisis menunjukkan bahawa informan perempuan lebih tinggi penggunaannya berbanding denganinforman lelakidengan kadar kekerapan sebanyak 73 peratus dan 27 peratus. Contohnya ialah seperti berikut:

1. Sampai sekarang aa apa.. pindah daripada Ipoh duduk di Sungai Way macam-macam tempat la *kan*. (I4 D KBT (P):A25)
2. Masalah... jadinya berbeza lah, hidup tak sempurna la *kan*. (I4 D KBT (P):A24)
3. Maknanya akak tak tak bersedia *kan*. (I10 DA KMB (P):A76)
4. Orang kata bila sakit bapa kita marah-marah dan kita tu dah la penat *kan* buat kerja...(I11 DM KBA (P):A33)
5. Sampai sekarang aa apa.. pindah daripada Ipoh duduk di Sungai Way macam-macam tempat la *kan*. (I4 D KBT (P):A25)
6. Emm membesar tu macam macam.. bapak dah dua rumah *kan*. (I4 D KBT (P):A23)
7. Macam kita belajar *kan*, makcik cakap kat anak-anak makcik, suami kerja..kita duduk di negeri orang, tengok tempat orang. (I3 D KBA (P):A34

Berdasarkan contoh 1 hingga 7, dapat dijelaskan bahawa semasa berkomunikasi, informan perempuan lebih gemar menggunakan kata penegas *kan* untuk menegaskan sesuatu ayat yang diucapkan. Penegasan ayat digunakan bertujuan meneguhkan pernyataan atau penceritaan yang disampaikan oleh informan tersebut. Secara tidak langsung, pihak yang dilawan bercakap atau penemu bual akan yakin terhadap kenyataan informan tersebut. Contoh dalam data (1 hingga 7) menunjukkan penggunaan partikel *kan* dalam bahasa Melayu lisan. Partikel *kan* juga berfungsi memberi penegasan dalam ayat yang disampaikan oleh informan. Data (1 hingga 7) juga menunjukkan bahawa informan menggunakan ayat penyata dengan maksud membuat satu penyataan kepada penemu bual. Oleh itu, kata partikel *kan* diperlukan untuk menegaskan ayat penyataan tersebut. Secara tidak langsung dapatlah dikatakan bahawa partikel *kan* juga berfungsi sebagai kata penegas dalam variasi bahasa Melayu lisan sama seperti fungsi kata penegas dalam bahasa Melayu standard.

Begitu juga halnya dalam partikel *kut* yang menunjukkan penggunaannya sebanyak 29 kali atau 14 peratus. Contoh penggunaannya diperlihatkan dalam data berikut:

1. Sebab memang, entah degil sikit *kut* masa tu. (I5 DA KMB (P):A53)
2. So, kat situ maybe dah tertulis *kut* saya *accident* waktu tu. (I3 DA KMT (P):A34)
3. Sekolah rendah, emm, tak, tak ada sangat *kut*. (I1 DM KMB (P):A20)

4. Kenangan pahit tu.. emm kenangan pahit tu takda *kut*. (I1 DM KMB (P):A53)
5. emm..dugaan la *kut*. (I2 DM KMB (P):A73)
6. *Someone special*..haha..ramai *kut*. (I2 DM KMB (P):A77)

Contoh dalam data di atas menunjukkan penggunaan partikel *kut* oleh informan perempuan. Data tersebut juga menunjukkan bahawa penggunaan partikel *kut*, membawa maksud informan tersebut tidak pasti tentang sesuatu pernyataan yang diujarkan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat dua persepsi terhadap informan perempuan. Pertama, informan perempuan tidak yakin semasa berkomunikasi berbanding dengan informan lelaki. Kedua, jika dilihat daripada sudut lain, iaitu kerencaman bahasa atau variasinya, informan perempuan juga lebih bervariasi bahasanya berbanding dengan lelaki. Lakoff (dalam Holmes 2008) menjelaskan bahawa bahasa perempuan mempunyai beberapa karektor antaranya ialah kata yang tidak pasti (*lexical hedges*) dan penanda pertanyaan (*tag question*). Dalam menjelaskan hal ini, beliau menyatakan bahawa kedudukan penggunaan bahasa perempuan adalah tidak berkuasa daripada bahasa lelaki (Lakoff 1975; Crosby & Nyquist 1977;Holmes 1995; Tannen 1990; Coates 1996). Melalui beberapa pendapat tersebut, dapat disimpulkan bahawa bahasa perempuan lebih menunjukkan kekurangyakinan semasa berkomunikasi. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan telah memberikan identiti yang berbeza ketika berbahasa. Ahli sosiolinguistik turut bersetuju bahawa perlakuan penutur sesuatu bahawa mencerminkan jati dirinya serta kumpulan masyarakat bahasanya (Juriah dan Zaini, 2012).

Selain itu, partikel *kut* digunakan sebagai alternatif kepada informan untuk menyatakan sesuatu maksud sama ada 'tahu' atau 'tidak tahu' tentang sesuatu perkara yang disampaikan. Justeru, dalam pernyataan Coates (2004: 88) *"women's speech is often described as tentative, and this assertion is linked to the claim that women use more hedges. Hedges are linguistic forms such as 'I think', 'i'm sure', 'you know', 'sort' of and 'perhap's which express the speaker's certainty or uncertainty about the proposition under discussion*". Dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Coates (2004), jelas menunjukkan bahawa kata partikel *kan* dan *kut* yang digunakan oleh informan perempuan semasa perbualan berlangsung juga bersamaan dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Coates tetapi dalam acuan bahasa Melayu lisan.

Kelas Menengah Bawah Bervariasi dalam Kata Penegas

Dapatan menunjukkan bahawakelas menengah bawah (KMB) lebih bertendensi menggunakan *kan* dan *kut* dengan skor 55 peratus berbanding kelompok sosial yang lain, iaitu kelas menengah tinggi (KMT), kelas bawah atas (KBA) dan kelas bawah tengah (KBT) dengan skor masing-masing 10 peratus, 31 peratus dan 4 peratus. Secara rincinya, dalam variasi kata penegas menunjukkan kelainan pada dua kelompok utama iaitu kelompok menengah dan kelompok bawah. Pertama, dalam kata penegas *kan* didapati bahawa KMB lebih menonjol penggunaannya dengan kekerapan sebanyak 55 peratus (101 kali) berbanding kelompok SSE yang lain, iaitu KMT, KBA dan KBT dengan kekerapan masing-masing 10 peratus, 31 peratus dan 4 peratus. Bagi kata penegas *kut*, didapati bahawa kelompok menengah lebih cenderung menggunakannya dengan skor antara 38 peratus hingga 59 peratus berbanding dengan kelompok bawah dengan skor antara 0 peratus hingga 3 peratus sahaja. Ini menunjukkan bahawa variasi kata penegas bukan sahaja digunakan oleh kelompok bawah tetapi telah menjalar ke seluruh kelompok SSE di bandar raya Shah Alam. Kajian ini telah membuktikan bahawa kevariasian kata penegas *kan* dan *kut* juga telah digunakan dalam kalangan informan daripada kelompok menengah, selain kata penegas yang lain, iaitu *-kah, -lah, -tah*. Faktor ini juga disebabkan oleh informan tersebut ingin memberi penegasan dalam maklumat yang mereka sampaikan supaya penemu bual berasa yakin terhadap mereka. Contoh penggunaan variasi kata penegas, iaitu *kan, kut* ditunjukkan dalam contoh berikut.

1. Mula-mula memang boring *kan* sebab macam tak sama dengan KL *kut*.(I1 DM KMB (P):A37)
2. Emm..dugaan lah *kut*. (I2 DM KMB (P):A73)
3. Kenangan pahit tu.. emm kenangan pahit tu tak ada *kut*. (I1 DM KMB (P):A53)
4. Ayah kerja kat sini dulu *kan*. (I10 DA KMB (P):A10)
5. Takut nanti orang kata kita ajar tak pandai pulak lah *kan*. (I7 DA KMB (P):A68)

Contoh 1 hingga 5 adalah penggunaan variasi kata penegas *kan, kut* yang oleh informan berkenaan. *Kan* dan *kut* digunakan bagi memvariasikan lagi kata penegas dalam pertuturan bahasa Melayu.

Usia Awal Dewasa Lebih Bervariasi dalam Kata Penegas

Dapatan kajian menunjukkan bahawa umur juga mempengaruhi penggunaan kata *kan* dan *kut*. Dalam Jadual 2 telah menunjukkan bahawa informan berusia awal dewasa bertendensi menggunakannya, iaitu sebanyak 63 peratus berbanding dengan informan yang berusia lain yangmenggunakannya antara 6 peratus hingga 18 peratus sahaja. Hal ini berlaku kerana usia awal dewasa yang menggunakan kata penegas *kan* untuk meyakinkan pendengar ketika komunikasi berlangsung. Begitu juga dengan kata penegas *kut*, yang menunjukkan informan berusia muda dan awal dewasa turut bertendensi menggunakannya berbanding informan berusia dewasa dan tua. Fenomena ini membayangkan bahawa informan dalam usia ini (muda dan awal dewasa) tidak begitu yakin dengan maklumat yang telah disampaikan oleh mereka. Tetapi bagi informan berusia dewasa dan tua, tidak berlaku sedemikian kerana faktor umur juga mempengaruhi keyakinan dan kematangan mereka semasa berkomunikasi. Contoh penggunaan *kan* dan *kut* seperti berikut.

1. Sports tu *kut*. (I13 DA KMT (L):A32)
2. Kat univesti tu banyak sangat juga *kut*.(I13 DA KMT (L):A30)
3. Paling akak ingat sekali, aa nak kawin *kut*.(I10 DA KMB (P):A73)
4. Manis semua manis la *kut*. (I3 DA KMT (L):A28)
5. Aaatu la yang kenangan manis saya *kan*.(I12 DA KBA (L): A78)
6. Hasrat tercapailah *kan*.(I12 DA KBA (L): A71)
7. Aa *so*, rasanya kami pun aaa, tak la macam… dengan suasana luar ni *kan*.(I12 DA KBA (L): A14)
8. Nak kata pertama, taklah pertama *kan*. (I10 DA KMB (P):A55)

Dalam contoh 1 hingga 4, menunjukkan penggunaan partikel *kut*. Manakala bagi contoh 5 hingga 8 pula menunjukkan partikel *kan*. Penggunaan partikel *kan* dan *kut* digunakan berdasarkan konteks yang berbeza. Jika dilihat contoh bagi partikel *kut*, dapatan kajian menunjukkan bahawa informan tersebut tidak pasti semasa mengujarkan sesuatu ayat. Manakala *kan* pula digunakan oleh informan bertujuan menegaskan ayat yang diujarkan.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapat dijelaskan bahawa kajian ini telah memperlihatkan bahasa sebagai pengacu identiti masyarakat. Dalam aspek kata penegas misalnya, telah menemukan bahawa informan perempuan, kelas menengah bawah dan usia awal dewasa lebih cenderung menggunakan variasi lisan. Penemuan ini juga memberi gambaran bahawa walaupun kelompok tersebut cenderung dalam variasi bahasa bahasa lisan, namun mereka juga tidak mengabaikan konteks penggunaan bahasa sebenar. Hal ini juga telah dijelaskan dalam Nor Maliza dan Siti Nor Aliaa (2012) bahawa topik yang dibualkan antara dua atau lebih pihak harus mempunyai persetujuan dan pemahaman topik yang dibualkan. Ini menjadikan bahasa yang digunakan oleh mereka tidak bersifat kaku dan renggang. Kajian ini memberi bukti bahawa dialektologi bandar telah berupaya mempertimbangkan kajian yang berlawanan dengan 'NORMs' seperti yang dicadangkan oleh Trudgill dan Chambers (1990).

Rujukan

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Collins, J.T. (1981). Ilmu linguistik sejarah: Asas, kaedah dan hasilnya. *Dewan Bahasa 25*(10): 5-24.
Kamus dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Garnier, B.J & Chabot, G. (1967). *Neighbourhood, people and community*. New York: Plenum Press.
Chambers, J.K dan Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Coates. J. (2004). *Women, Men and Language*. London: Longman.
Coates, J. (1996). *Woman talk: Conversation between Woman Friends*. Oxford: Blackwell.
Crosby, F & Nyquist, L. (1977). The female register: An empirical study of Lakoff's hypotheses. *Language in Society* 6(3): 313-322.
Hamidah Abdul Wahab, Wan Robiah Meor Osman & Mohammad Hossin.(2012). Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak.*Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
Holmes, J. (1995). *Women, Men and Politeness.* London: Longman.
Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* 2nd edition. London: Pearson Education

Idris Aman.(2010). *Analisis wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idris Aman. (1995). *Kelainan sosial bahasa Melayu di Shah Alam : Suatu dialektologi sosial bandar*. Tesis Sarjana. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Idris Aman & Shahidi Abd. Hamid. (2001). Variasi sosial sebutan bahasa Melayu: Kajian sosiofonologi di sekolah. *Jurnal bahasa* 1(4), 466-482.

Idris Aman & Rosniah Mustaffa.(2009). Social variation of Malay language in Kuching, Sarawak, Malaysia: a study an accent, identity and integration. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(1): 63-76.

Idris Aman, Rosniah Mustaffa, Zaharani Ahmad, Jamilah Mustafa & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2011). Aksen standard bahasa kebangsaan: realiti, identiti dan integrasi. Dalam Idris Aman (Pyntg.). *Aksen bahasa kebangsaan: realiti, identiti dan integrasi.* Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juriah Long & Zaini Mahbar. (2012). Kedwibahasaan dalam sistem pendidikan dan kaitannya dengan jati diri kebangsaan. *Jurnal Linguistik*, 16. Tarikh capaian 14 Jun 2014 daripada plm.org.my

Labov, W. (1966). *The social stratification of English in New York City*. Washington: Center for Applied Linguistics.

Labov, W. (1972). *Language in the Inner City*. Cambridge: University of Pennsylvania Press.

Lam Kai Chee. (2012**).** Penggunaan di mana dan yang mana sebagai kata hubung: Analisis linguistik korpus. *Jurnal Bahasa*, 11(2), hlm. 297-320.

Mohd Yunus Sharum & Zaitul Azma Zainon Hamzah.(2011). Golongan dan Rumus Kata Gandaan Berima. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 27-47

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn , Hashim Haji Musa& Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan* edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Northam, R.M. (1975). *Urban geography*. New York: John Wiley & Sons.

Nur Maliza Abd. Rahim & Siti Nor Aliaa Roslan. (2012). Analisis perbualan pelajar dari tujuh negara di sekolah St Patrick Limerick, Ireland. *Jurnal Linguistik*, 15, hlm. 1-8.

Roucek & Warren. (1979). *Sosiologi suatu pengenalan*. Terj. Mohammad Yusuf. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sato, Hirobumi @ Rahmat. (2012**).** Kata Pemeri: Satu Takrifan Nahuan dalam Kerangka Ayat Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 11(2), hlm. 163-195.

Syarifah Raihan Syed Jaafar & Zaharani Ahmad. (2009). Penggandaan Separa Bahasa Melayu: Analisis Teori Optimaliti. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi (Penyunting), *Kepelbagaian Dimensi Linguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tannen. (1990). y*ou just don't understand: women and men conversation*. New York: William Morrow.

Trudgill, P. (1974). *The social differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.

Yahaya Ibrahim. (1995). *Pembandaran dan kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Robiah Meor Osman. (2004). Variasi sosial bahasa Melayu di Kuching: satu pendekatan dialektologi sosial bandar. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Robiah Meor Osman, Rosnah Mustafa & Salina Pit. (2013). Ketersiratan Makna Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak. *Jurnal Linguistik*, 17(2), hlm. 63-69.